

D531

U B333 AAB
MAHATHIR-MARUAH 2 2 2

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA HANYA UMNO SAHAJA YANG TERDAYA MEMPERTAHANKAN MARUAH ORANG MELAYU, MARUAH BANGSA MELAYSIA DAN MARUAH NEGARA.

KATANYA CERAH ATAU GELAPNYA MASA DEPAN ORANG MELAYU DAN AGAMA ISLAM, BANGSA MALAYSIA, NEGARA BAHKAN KAUM-KAUM LAIN DI MALAYSIA BERGANTUNG KEPADA UMNO.

MENURUT PRESIDEN UMNO ITU, INI KERANA PARTI-PARTI LAIN ADALAH EKSTREMIS ATAU CHAUVINIS ATAU PUN TERLALU KECIL UNTUK MEMELIHARA NEGARA INI SERTA MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN MERDEKA, KOMPLEKS UMNO DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO MERUPAKAN KUASA YANG MENGIKAT DAN YANG MENARIK SEMUA PARTI YANG BERSIKAP SEDERHANA SUPAYA BEKERJASAMA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SIKAP SEBEGINI PILIHAN UMNO SENDIRI KERANA JIKA TIDAK, AKAN BERPECAHLAH RAKYAT NEGARA INI SEPERTI YANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI PELBAGAI KAUM.

KATANYA SISTEM DEMOKRASI DENGAN SENDIRINYA TIDAK MENJAMIN KEADILAN DAN KEBAHAGIAN TETAPI APA YANG BENAR-BENAR MENJAMIN KEDUA-DUA NIKMAT INI IALAH PENGAMALAN DEMOKRASI YANG IKHLAS DAN JUJUR. -- LAGI.

1359MST 18 09 86

D532

U B334 AAB
MAHATHIR-MARUAH 2 KUALA LUMPUR

+DAN UMNO ADALAH PENGAMAL DEMOKRASI YANG IKHLAS DAN JUJUR+
KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU BAHAWA PENGHARGAAN KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA TERHADAP KEBEBASAN BANGSA YANG MERDEKA TIDAK BEGITU TEBAL KERANA MEREKA TIDAK PERNAH MERASAI KEHINAAN SEBAGAI ORANG YANG DIJAJAH.

KETIDAKSEDARAN INI AKAN MELALAIKAN MEREKA, TERUTAMANYA APABILA PENJAJAHAN DIUSAHAKAN SECARA TIDAK LANGSUNG.

PENJAJAHAN SECARA INI BOLEH DILAKUKAN MELALUI EKONOMI DAN KEBUDAYAAN KERANA NEGARA INI MENGAMALKAN SISTEM EKONOMI BEBAS.

+HARI INI KITA MERASAI KESAN PENJAJAHAN EKONOMI INI APABILA HARGA BARANGAN KITA DITEKAN TURUN SEHINGGA MELESET EKONOMI NEGARA KITA,+ UJARNYA.

PENJAJAHAN JUGA BERLAKU MELALUI KEBUDAYAAN SEHINGGAKAN ADAT-RESAM DAN SOPAN-SANTUN BANGSA MALAYSIA SUDAH HAMPIR LUPUT DAN BANGSA MALAYSIA KINI HAMPIR KEHILANGAN IDENTITI. -- LAGI.

1401MST 18 09 86

0656

B B423 DEB
MAHATHIR-MARUAH 3 KUALA LUMPUR

+KITA JUGA DIJAJAH MELALUI DADAH WALAUPUN KITA TIDAK
MENGELUARKAN DADAH.

+AMALAN INI BUKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEBUDAYAAN KITA TETAPI
HARI INI MAJORITI YANG MENGHISAP DAN MENYUNTIK DADAH ADALAH
BELIA-BELIA MELAYU.

+MEREKA INI TIDAK BOLEH MEMPERTAHANKAN MARUAH BANGSA KITA+.

MENGENAI KEMELESETAN SEKARANG, PERDANA MENTERI MENYERU ANGGOTA
UMNO BERSABAR SAMBIL BERJIMAT-CERMAT DENGAN WANG RINGGIT PADA WAKTU
WANG SUKAR DICARI DAN KERAJAAN SENDIRI MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN.

KATANYA MEREKA TIDAK BOLEH MENERUSKAN CARA HIDUP YANG BIASA
DIAMALKAN PADA ZAMAN MEWAH DAHULU.

SEBALIKNYA MEREKA HARUS MENERIMA KESAN KEMELESETAN EKONOMI
KEPADA KEHIDUPAN MEREKA DAN MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN ITU. --
BERNAMA.

1808MST 18 09 86